

**KESEJAWATANAN DAN KEPIMPINAN BERETIKA
DENGAN PROFESIONALISME KEGURUAN DALAM
KALANGAN GURU PPSMI**



FARAH AIN ABDULLAH

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

**KESEJAWATANAN DAN KEPIMPINAN BERETIKA
DENGAN PROFESIONALISME KEGURUAN
DALAM KALANGAN GURU PPSMI**

FARAH AIN ABDULLAH




**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.


(FARAH AIN ABDULLAH)

No. Pelajar: PT20068071

3 MEI 2008



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN


Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurniaNya maka disertasi ini dapat dilengkapi. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia disertasi, Dr Adenan Bin Ayob atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang tempoh disertasi ini disediakan. Penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Sabah atas kebenaran yang diberikan untuk melaksanakan kajian ini. Tidak ketinggalan juga diucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung ke atas kajian ini.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini meninjau kesejawatan dan kepimpinan beretika dengan profesionalisme keguruan dalam kalangan guru PPSMI. Kesejawatan dilihat dari segi perkembangan guru, refleksi, analisis dan perkembangan diri di samping penyemaian sifat positif seperti perpaduan, kerjasama, bantu-membantu, hormat-menghormati, nasihat-menasihati dan tegur-menegur antara ahli kumpulan. Kepimpinan beretika dilihat dari segi penurunan kuasa dan bermotif serta berbudi pekerti seperti kejujuran dan integriti. Profesionalisme keguruan dilihat dari segi kompetensi bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris serta peningkatan profisiensi bahasa Inggeris guru PPSMI. Kajian dilakukan melalui kaedah soal selidik terhadap 100 orang guru PPSMI di sekolah-sekolah rendah dan menengah di sekitar bandar Sandakan. Sampel dipilih berdasarkan persampelan bertujuan iaitu dengan mengambil guru PPSMI yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun di bawah rakan pembimbing di sekolah berkenaan. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *SPSS for Windows* versi 14.0. Statistik deskriptif seperti min dan sisihan piawai digunakan untuk membuat bacaan dan tafsiran keputusan kajian manakala statistik inferensi seperti ujian-t, ANOVA dan korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Keputusan kajian menunjukkan tidak ada perbezaan antara jantina dengan kesejawatan (min lelaki = 2.8872; min perempuan = 2.8892) dan kepimpinan beretika (min lelaki = 2.8846; min perempuan = 3.0631) dalam kalangan guru PPSMI. Kajian juga menunjukkan wujudnya perbezaan antara pengalaman mengajar guru dengan kepimpinan beretika [$F(df=2, 97, P<.05)=4.189$]. Kesejawatan dan kepimpinan beretika mempunyai hubungan dengan profesionalisme keguruan ($r = .35$; $r = .37$). Antara aspek yang perlu diberi perhatian adalah amalan kesejawatan dan kepimpinan beretika dalam kalangan guru PPSMI.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Abstract

COLLEGIALITY AND ETHICAL LEADERSHIP IN TEACHERS' PROFESSIONALISM AMONG PPSMI TEACHERS

The main purpose of this research is to identify collegiality and ethical leadership in teachers' professionalism among PPSMI teachers. Collegiality is identified as teacher's development, reflection, analytic and self-development besides sowing positive values such as integration, cooperative, helpful, respectful, giving advice and greetings among colleagues. Ethical leadership is identified as empowerment, motive and noble as in honesty and integrity. Teachers' professionalism is identified as teachers' competencies in speaking, reading and writing in English besides raising its proficiency among PPSMI teachers. This research was carried out through questionnaires on 100 PPSMI teachers in primary and secondary schools in Sandakan town area. Sampling was done based on purposive sampling where PPSMI teachers who have been in service for at least one year under their respective supporting buddies were chosen as respondents. Data was analysed using the SPSS for Windows Version 14.0. Descriptive statistic such as mean and standard deviation were used to explain the results of the research while inferential statistic such as t-Tests, ANOVA and Pearson-r Correlation are used to test the hypothesis. Results showed that there were no differences among genders in collegiality (male mean = 2.8872; female mean = 2.8892) and ethical leadership (male mean = 2.8846; female mean = 3.0631). There was a difference with teaching experience in ethical leadership [$F(df=2, 97, P<.05)=4.189$]. Collegiality and ethical leadership influenced teachers' professionalism ($r = .35$; $r = .37$). Among the aspects that required attention are collegiality and ethical leadership practices among PPSMI teachers.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI JADUAL	xv
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris	3
1.2.2 Sistem Bimbingan Taulan	5
1.3 Pernyataan Masalah	9
1.4 Soalan Kajian	12
1.5 Tujuan Kajian	12
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Hipotesis Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Guru PPSMI	14
1.8.2 Sistem Bimbingan Taulan	14

1.8.3	Rakan Pembimbing	15
1.8.4	Guru Taulan	15
1.8.5	Bayaran Insentif Subjek Pendidikan	15
1.8.6	Kesejawatanan	16
1.8.7	Kepimpinan Beretika	16
1.8.8	Profesionalisme Keguruan	16
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Batasan Kajian	18
1.10.1	Sampel	18
1.10.2	Keadaan	18
1.10.3	Masa	18
1.11	Kesimpulan	18
BAB 2:	SOROTAN LITERATUR	20
2.1	Pendahuluan	20
2.2	Kesejawatanan	21
2.3	Huraian Model Kesejawatanan	24
2.4	Kajian Berkaitan Kesejawatanan dalam Kalangan Guru	26
2.4.1	Kajian Berkaitan Perbezaan Jantina dalam Kalangan Guru	28
2.5	Kepemimpinan	28
2.6	Sifat Kepemimpinan	31
2.6.1	Bersemangat	32
2.6.2	Berfikiran Luas	32
2.6.3	Pencetus Perubahan	32
2.6.4	Tabah dan Realistik	32
2.6.5	Unsur Jenaka	33

BAB 3: METODOLOGI	52
3.1 Pendahuluan	52
3.2 Reka Bentuk Kajian	52
3.3 Prosedur Kerja	53
3.4 Instrumen	54
3.4.1 Demografi Guru-Guru PPSMI	54
3.4.2 Kesejawatan Berasaskan Perspektif Guru-Guru PPSMI	55
3.4.3 Kepimpinan Beretika Berasaskan Perspektif Guru PPSMI	57
3.4.4 Profesionalisme Keguruan Dari Perspektif Guru PPSMI	58
3.4.5 Ancaman kepada Kesahan Dalaman	59
3.5 Persampelan	60
3.6 Pengumpulan Data	61
3.7 Kajian Rintis	61
3.8 Penganalisan Data	62
3.9 Kebolehppercayaan Skala pengukuran	63
3.10 Kesimpulan	65
BAB 4: ANALISIS DATA	66
4.1 Pendahuluan	66
4.2 Ujian Normaliti Taburan Data	66
4.3 Demografi Sampel	67
4.3.1 Jantina	67
4.3.2 Pengalaman Mengajar Guru	68
4.3.3 Tempoh Mengajar Di Bawah Bimbingan Rakan Pembimbing	68

4.4	Perbezaan antara Jantina Guru dengan Kesejawatanan dan Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	68
4.4.1	Perbezaan antara Jantina dengan Kesejawatanan dalam Kalangan Guru PPSMI	68
4.4.2	Perbezaan antara Jantina dengan Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	69
4.5	Perbezaan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Kesejawatanan dan Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	70
4.5.1	Perbezaan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Kesejawatanan dalam Kalangan Guru PPSMI	70
4.5.2	Perbezaan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	71
4.6	Hubungan Kesejawatanan dan Kepimpinan Beretika dengan Profesionalisme Keguruan dalam Kalangan Guru PPSMI	72
4.6.1	Hubungan Kesejawatanan dengan Profesionalisme Keguruan dalam Kalangan Guru PPSMI	73
4.6.2	Hubungan Kepimpinan Beretika dengan Profesionalisme Keguruan dalam Kalangan Guru PPSMI	74
4.6.3	Pengaruh Kesejawatanan dan Kepimpinan Beretika dengan Profesionalisme Keguruan	75
4.7	Kesimpulan	76

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN 78

5.1	Pendahuluan	78
5.2	Rumusan	78
5.2.1	Objektif	78
5.2.2	Metodologi	78

LAMPIRAN C	112
LAMPIRAN D	115
LAMPIRAN E	117
LAMPIRAN F	119
LAMPIRAN G	121
LAMPIRAN H	127
LAMPIRAN I	129
LAMPIRAN J	132
LAMPIRAN K	135
LAMPIRAN L	137
LAMPIRAN M	139
LAMPIRAN N	142
LAMPIRAN O	144
LAMPIRAN P	146



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 2.1 Kerangka Konseptual Kajian 50

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 3.1	Jadual Aktiviti Kajian	53
Jadual 3.2	Item Demografi Guru PPSMI	55
Jadual 3.3	Taburan Item Kesejawatanan dalam Kalangan Guru PPSMI	56
Jadual 3.4	Skor Min untuk Kesejawatanan dalam Kalangan Guru PPSMI	57
Jadual 3.5	Taburan Item Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	57
Jadual 3.6	Skor Min untuk Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	58
Jadual 3.7	Taburan Item Peningkatan Profesionalisme Keguruan dalam Kalangan Guru PPSMI	59
Jadual 3.8	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	62
Jadual 3.9	Alat Analisis Data	63
Jadual 3.10	Kebolehpercayaan Skala Kesejawatanan, Kepimpinan Beretika, Profesionalisme Keguruan dan Keseluruhan Instrumen Kajian	65
Jadual 4.1	Bilangan Responden Mengikut Demografi	67
Jadual 4.2	Perbezaan antara Jantina Guru dengan Kesejawatanan dalam Kalangan Guru PPSMI	69
Jadual 4.3	Perbezaan antara Jantina Guru dengan Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	70
Jadual 4.4	Perbezaan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Kesejawatanan dalam Kalangan Guru PPSMI	71
Jadual 4.5	Perbezaan antara Pengalaman Mengajar Guru dengan Kepimpinan Beretika dalam Kalangan Guru PPSMI	72

Jadual 4.6	Hubungan Kesejawatanan dengan Profesionalisme Keguruan dalam Kalangan Guru PPSMI	73
Jadual 4.7	Hubungan Kepimpinan Beretika dengan Profesionalisme Keguruan dalam Kalangan Guru PPSMI	74
Jadual 4.8	Ringkasan Model bagi Skor Kesejawatanan dan Skor Kepimpinan Beretika kepada Skor Profesionalisme Keguruan	75
Jadual 4.9	Ujian ANOVA bagi Skor Kesejawatanan dan Skor Kepimpinan Beretika kepada Sekpr Profesionalisme Keguruan	75
Jadual 4.10	Koefisien Skor Kesejawatanan dan Skor Kepimpinan Beretika kepada Skor Profesionalisme Keguruan	76



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan adalah sebuah industri yang berpotensi tinggi di Malaysia dan memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan, selain menyediakan sumber tenaga manusia yang berkualiti dalam menghasilkan sebuah masyarakat yang inovatif serta kreatif. Dalam melangkah masuk ke alaf baru ini, sistem pendidikan kebangsaan menumpu ke era teknologi maklumat dan komunikasi sebagai tulang belakang. Pelbagai usaha diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha membestarikan semua sekolah di Malaysia menjelang tahun 2010 (Rancangan Malaysia Ke-9, 2006).

Sejak berdekad, sistem pendidikan Malaysia telah mengalami pelbagai reformasi untuk meningkatkan tahap pembelajaran. Kurikulum sekolah ialah bidang yang sentiasa berkembang sesuai dengan keperluan dan tuntutan semasa. Faktor persekitaran sosial, ekonomi dan politik yang semakin kompleks, memainkan peranan penting yang mendorong kepada perubahan terhadap orientasi sesuatu kurikulum supaya kurikulum itu sendiri sentiasa relevan dengan keperluan (Habib Mat Som, 2005).

Implementasi inovasi dalam pendidikan dan perancangan pembangunan serta penambahbaikan sekolah adalah tidak mudah. Usaha tersebut memerlukan pelbagai kemahiran. Sejarah inovasi dalam kurikulum merupakan sesuatu yang baharu di Malaysia (Maimunah Syed Zin & Lwein, 1991 dalam Abdul Rahim Abdul Rashid, 1999). Pelaksanaan sepenuhnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 telah meluaskan proses inovasi, terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kurikulum ini mengutamakan pendekatan kesepaduan ilmu pengetahuan, kemahiran,

nilai dan bahasa dalam semua mata pelajaran; kesepaduan pengalaman dan teknik pembelajaran antara mata pelajaran; kesepaduan di antara teori dan amali; dan kesepaduan antara pengalaman pembelajaran dalam bilik darjah dengan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah, termasuk alam persekitaran dan pengalaman hidup harian (Mok Soon Sang, 2003b).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertanggungjawab ke arah menggariskan fokus, strategi utama dan pelan pelaksanaan untuk menjadikan pendidikan relevan dengan keadaan semasa dan masa hadapan (Rancangan Malaysia ke-9, 2006). Kesedaran tercetus tentang betapa pentingnya bahasa Inggeris dalam menghadapi cabaran dan ledakan maklumat masa kini. Bahasa Inggeris ialah bahasa ilmu dan bahasa hubungan antarabangsa, di samping memudahkan perolehan ilmu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Walaupun Bahasa Inggeris merupakan subjek yang telah dipelajari selama 11 tahun, iaitu enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah, namun prestasi pencapaian bahasa Inggeris masih belum memuaskan. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sekian lama menjadi isu pendidikan berikutan daripada kejatuhan kualiti bahasa Inggeris pelajar dalam peperiksaan awam dan kelemahan profisiensi secara keseluruhannya (Nadzrah Abu Bakar, 2007).

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengutarakan beberapa cadangan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris seperti berikut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003):

- i. Beralih kepada aliran Inggeris;
- ii. Bahasa Inggeris sebagai alat pembelajaran;
- iii. Pengajaran bahasa Inggeris diperhebatkan;
- iv. Lebih banyak masa untuk pengajaran bahasa Inggeris; dan

- v. Mewujudkan persekitaran yang membolehkan pelajar menguasai bahasa Inggeris.

Berikutan senario tersebut, Sains dan Matematik dipilih sebagai perintis untuk memberi peluang kepada pelajar menguasai bahasa Inggeris secara saintifik. Tambahan pula, inilah merupakan hasrat negara untuk menghasilkan pelajar Sains dan Sastera dengan nisbah 60: 40. Sehubungan itu, sebahagian besar bahan bacaan adalah tentang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Pendedahan awal didapati mampu memberi peluang kepada pelajar untuk mengakses maklumat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003).

Selepas menjalankan kajian dokumentasi yang berkaitan secara terperinci dan melalui beberapa siri perbincangan dengan ahli akademik dan pendidik, mata pelajaran Sains dan Matematik mula diajar dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003 di semua sekolah di seluruh Malaysia bagi Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Tingkatan Enam Rendah. Pelaksanaan Dasar PPSMI akan diperluas dalam semua kelas di peringkat yang lebih tinggi secara berperingkat-peringkat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003).

1.2.1 Pelaksanaan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris

Sains dan Matematik tingkatan satu mulai diajar dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003 melalui pelaksanaan dasar baru Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI). Pelaksanaan berfasa ini akan diteruskan bagi Sains dan Matematik tahun dua hingga tahun enam pada tahun 2004 hingga tahun 2008, tingkatan dua hingga tingkatan lima pada tahun 2004 hingga tahun 2007 dan tingkatan enam bawah pada tahun 2003 dan tingkatan enam atas pada tahun 2004. Pengajaran dan pembelajaran Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi dalam bahasa Inggeris tingkatan empat dan tingkatan lima dilaksanakan pada tahun 2006 dan tahun 2007.

Pelaksanaan dasar PPSMI telah mendatangkan reaksi daripada pelbagai pihak. Lantaran itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyenaraikan beberapa kebimbangan masyarakat terhadap pelaksanaan dasar PPSMI dalam Strategi dan Persediaan Pelaksanaan Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan cara-cara masalah ini dapat diselesaikan.

Antara kebimbangan yang dimaksudkan adalah kekurangan guru Sains dan Matematik. Bagi peringkat tingkatan satu, guru yang fasih berbahasa Inggeris diagih-agihkan semula. Pelaksanaan dalam tahun satu tidak menghadapi masalah kerana jumlah guru adalah mencukupi. Latihan terus diberikan kepada guru-guru yang lain memenuhi keperluan untuk tahun-tahun yang berikutnya. Guru-guru yang kurang yakin untuk mengajar dalam bahasa Inggeris pula dibekalkan perisian pengajaran, manual guru dan bahan-bahan sokongan lain. Modul Pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (EteMS) hasil kerjasama Bahagian Pendidikan Guru dan Kementerian Pendidikan dibekalkan kepada semua guru PPSMI untuk memantapkan pengajaran dan pembelajarannya.

Latihan profisiensi bahasa Inggeris juga dijalankan secara berulang-ulang untuk meningkatkan tahap kecekapan guru-guru. Kebimbangan bahawa mata pelajaran Matematik yang dianggap sebagai satu subjek yang sukar akan bertambah lebih sukar apabila diajar dalam bahasa Inggeris boleh diatasi dengan membendung kelemahan strategi pengajaran guru. Kementerian Pelajaran Malaysia mengesyorkan supaya teknologi maklumat dan komunikasi digunakan untuk mengatasi masalah kualiti guru serta meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran. Untuk mengatasi kebimbangan jurang pencapaian antara murid bandar dan luar bandar, guru-guru disyorkan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk

meningkatkan strategi pengajaran dan suasana pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Sehubungan itu, guru Sains dan Matematik telah dihantar untuk mengikuti beberapa siri kursus ETeMS yang merangkumi:

- i. Latihan Profisiensi Bahasa Inggeris;
- ii. Kursus Orientasi Kurikulum dan Pedagogi; dan
- iii. Latihan Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Kursus-kursus anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia bertujuan untuk memperlengkapkan guru dengan pengetahuan, kemahiran serta pemahaman tentang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tujuan Kementerian Pelajaran Malaysia hanyalah semata-mata untuk menjayakan program PPSMI dalam usaha menghasilkan murid-murid yang mampu menghadapi arus globalisasi pada masa hadapan.

1.2.2 Sistem Bimbingan Taulan

Ekoran daripada reformasi pendidikan yang dilancarkan, tugas dan kerja guru bertambah lebih berat dan kompleks. Selain perlu dicerap dan dibimbing oleh Pengetua atau Guru Besar dan Guru Kanan untuk membantu mereka meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran masing-masing di dalam bilik darjah, guru-guru juga bertanggungjawab untuk saling membantu dalam sesebuah sekolah dengan tujuan mencapai matlamat-matlamat pendidikan yang telah ditetapkan. Proses pendidikan merupakan satu pekerjaan bersama yang berkait antara beberapa disiplin ilmu dan kepakaran (SMK Clifford, 2000). Proses tersebut tidak dapat dilaksanakan, kecuali dengan amalan kerjasama berpasukan yang saling melengkapi atau kesejawatan. Kesejawatan mampu memberi sumbangan ke arah kemajuan murid dan pencapaian misi sekolah.

Pelaksanaan dasar PPSMI pada tahun 2003 memerlukan kerjasama yang erat antara panitia bahasa Inggeris, Sains dan Matematik diwujudkan. Kebanyakan guru PPSMI yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mempunyai pendedahan yang sangat sedikit dalam bahasa tersebut ketika mempelajarinya di sekolah rendah dan menengah serta ketika berada di institusi pengajian tinggi. Akibatnya, banyak guru PPSMI yang bertanggungjawab mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi menghadapi dilema.

Selain tidak mempunyai kefasihan dalam menyampaikan pengajaran, mereka juga tidak biasa dengan terma-terma Sains dan Matematik serta terminologi dalam bahasa Inggeris. Walaupun jalan penyelesaian terbaik Kementerian Pelajaran Malaysia adalah dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah, tetapi guru PPSMI juga perlu berjeda pada bahagian-bahagian yang tertentu di dalam program perisian tersebut untuk memberi penjelasan lanjutan kepada murid. Mereka juga perlu menghubungkan kandungan pelajaran dalam kehidupan harian murid. Justeru, guru PPSMI perlu mempunyai kefasihan bahasa Inggeris yang tinggi serta berkebolehan menggunakan alat bantu teknologi maklumat dan komunikasi supaya bekalannya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dapat diguna dan dieksploitasikan dengan sepenuhnya (Hamidah Ab. Rahman et al., 2005).

Oleh itu, Surat Siaran JNSIP/KUR/SMSI/3/A/(34) dan Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2005 yang diedarkan kepada semua guru PPSMI mewajibkan Sistem Bimbingan Taulan (SBT) ditubuhkan di semua sekolah untuk memberi motivasi dan sokongan kepada guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (Jemaah Nazir Sekolah, 2006). Semua guru opsyen

bahasa Inggeris diarahkan menjadi Rakan Pembimbing guru Sains dan Matematik (Guru Taulan) dalam SBT.

Kerjasama sedemikian bukan merupakan sesuatu yang baharu bagi panitia bahasa Inggeris kerana sebelum ini kesejawatanan yang diamalkan adalah sesama guru bahasa Inggeris sahaja, tetapi melibatkan sekolah-sekolah yang berlainan. Konsep *critical friend* yang telah wujud sejak tahun 1970-an ini semakin popular (De Lima, 2001). Seperti *critical friend*, guru pembimbing perlu menyelia dan membimbing guru taulan dari segi disiplin yang berbeza.

Rakan taulan boleh berjumpa dengan guru pembimbing untuk berbincang tentang masalah sebutan terma saintifik dalam bahasa Inggeris, tatabahasa, bentuk ujaran ayat serta sistem fonetik bahasa Inggeris dalam sesi persekolahan. Setiap perjumpaan perlu dijadual, direkod dan diberikan ulasan. Bimbingan dan motivasi secara berterusan daripada rakan taulan akan memudahkan masalah profisiensi guru PPSMI diselesaikan.

Sebagai pemimpin yang beretika, program bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik (EMS) dilaksanakan dengan sepenuhnya di luar waktu sesi persekolahan selama 60 jam, seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Taklimat SBT, 2007). Guru Sains dan Matematik dipastikan telah menyiapkan modul EMS yang dibekalkan dalam tempoh 60 jam. Guru taulan juga perlu menjalankan pengajaran mikro secara berpasangan selama setengah jam dan ditaksir oleh rakan-rakan pembimbing. Justeru, pengajaran mikro yang tidak memuaskan perlu ditaksir semula. Pentaksiran dijalankan pada awal dan hujung program EMS. Ketua panitia bahasa Inggeris menyediakan laporan pelaksanaan SBT dan EMS di peringkat sekolah setiap tiga bulan sekali dan melaporkannya kepada pegawai pejabat pelajaran gabungan. Rakan-rakan Pembimbing hanya perlu menyediakan

laporan SBT bulanan masing-masing dan melaporkan tahap profisiensi bahasa Inggeris guru taulan kepada pihak pentadbir sekolah.

Kesejawatan sedemikian dipercayai mampu meningkatkan kebolehan guru untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran dalam bahasa Inggeris dengan cekap, selain mengoptimum dan mengeksploitasikan semua alat bantuan mengajar yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik (Hamidah Ab. Rahman et al., 2005). Dalam masa yang sama, kepimpinan beretika yang wajib diamalkan oleh guru profesional berpandukan etika Tatasusila Profesion Keguruan (Mok Soon Sang, 2003a) membolehkan guru-guru PPSMI menyempurnakan profesion mereka ke taraf kesusilaan yang tinggi.

Aspek perkembangan profesional merangkumi segala usaha dan peluang pembelajaran yang dibekalkan kepada guru untuk membantu mereka menjadi lebih mahir dalam aktiviti pengajaran serta mengukuhkan perkembangan emosi, sosial dan nilai etika. Suseela Malakolunthu (2005) merumuskan bahawa projek perkembangan guru yang berkesan harus mempunyai ciri-ciri seperti:

- i. Program yang konkrit, dibina khas untuk guru, dan latihan berterusan;
- ii. Peluang untuk guru memerhati pengajaran guru mengajar program yang sama;
- iii. Mesyuarat projek yang fokus pada isu-isu praktikal;
- iv. Penglibatan guru dalam aktiviti membuat keputusan berkaitan projek; dan
- v. Penglibatan pengetua dalam program latihan guru.

Guru PPSMI dapat menguasai dan mengguna lebih banyak kemahiran apabila mereka berpeluang untuk menguji apa yang dipelajari di dalam bilik darjah.

Antara alternatif program perkembangan guru yang boleh dijalankan ialah

kesejawatanan yang memberi peluang kepada guru untuk mengenal pasti masalah dan mencari penyelesaian masalah yang boleh diguna pakai untuk memperbaiki proses pengajaran. Ini juga membuka peluang kepada guru bekerjasama dan berbincang tentang masalah di sekolah.

Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) yang diperkenalkan pada tahun 2003 turut diberikan kepada guru bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Sebagai guru profesional yang beretika, mereka akan menjalankan tugas mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dengan sebaik mungkin bagi guru Sains dan Matematik, di samping mendapat bimbingan dan sokongan yang sepenuhnya daripada guru bahasa Inggeris. Pelaburan besar Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan kesungguhannya untuk menjayakan dasar PPSMI dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan dan kompetensi guru.

1.3 Pernyataan Masalah

Perubahan dan pembangunan kurikulum ialah satu aktiviti penting dalam usaha menambahbaikkan proses pendidikan di negara kita. Justeru, kompetensi guru seharusnya dibangunkan untuk memenuhi kurikulum baharu tersebut (Yin Cheong Cheng, 1996). Kurikulum dan kompetensi guru perlu dibangunkan dan diubah supaya keberkesanannya dapat dimaksimumkan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, guru menghabiskan kebanyakan masa mereka di dalam bilik-bilik darjah atau bilik-bilik khas.

Fullan (2003) menyatakan bahawa guru yang terhad aktiviti di dalam bilik-bilik darjah atau bilik-bilik khas kekurangan masa untuk berinteraksi dengan rakan-rakan sekerja atau seprofesion. Akibatnya, mereka kurang berbincang tentang hasil kerja atau mutu kerja. Pernyataan ini disokong oleh Bowring-Carr dan West-Burnham (1999: 170) yang menyatakan bahawa struktur birokratik sekolah